

## KAJIAN PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM PERANGI DADAH (PDH) HABIS-HABISAN 2017-2018

Haslee Sharil Lim Abdullah<sup>1</sup>, Siti Nubailah Mohd Yusof<sup>1</sup>, Farhana Saberi<sup>1</sup>, Lau Poh Li<sup>2</sup>, Nor Azri Ahmad<sup>3</sup>, Sallina Mansur<sup>3</sup>, Nur Faizah Abdul Kahar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya

<sup>3</sup>Agensi Antidadah Kebangsaan

### ABSTRAK

*Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sebagai agensi peneraju dalam usaha memerangi ancaman dadah dalam negara telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi memastikan kadar penyalahgunaan dadah dinegara ini dapat dikurangkan. Antara Langkah komprehensif daripada pihak AADK adalah melalui pelaksanaan program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) sebagai satu strategi langkah baharu yang lebih berkesan bagi memerangi gejala penyalahgunaan dadah. Bermula pada tahun 2016, program ini kemudiannya diteruskan pula bagi Program PDH 2017-2018. Justeru, matlamat utama pelaksanaan kajian ini adalah untuk membuat penilaian keberkesanan strategi perangi dadah habis-habisan PDH yang dijalankan oleh pihak kerajaan Malaysia khususnya pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menentukan profiling keseluruhan kawasan Program PDH 2017-2018, menilai prestasi pencapaian KPI mengikut program utama 2017-2018, melihat pencapaian keseluruhan PDH 2017-2018 mengikut program, kawasan dan negeri, mengenalpasti impak PDH mengikut jumlah penagih baru yang dikesan di 178 kawasan tumpuan, mengenalpasti impak PDH 2017-2018 mengikut skor dan tahap pendayaupayaan komuniti dan mengetahui tahap kesediaan komuniti terhadap program perangi dadah habis-habisan mengikut kategori pemimpin komuniti. Terdapat 6 program utama PDH iaitu, (1) Program Omnipresence, (2) Program Operasi Cegah (Pengesanan Dan Penahanan), (3) Program Operasi Sarang/Bersepadu, (4) Program Ikon Antidadah, (5) Program Media Baru, Luar Dan Statik dan (6) Program Pendayaupayaan Komuniti (Community Empowerment). Manakala, indikator penilaian bagi*

*menentukan keberkesanan program PDH ini diukur melalui; (1) Profiling kawasan, (2) Pencapaian KPI, (3) Kesiediaan komuniti, (4) Program pengesanan dan penahanan dan (5) Pencapaian pendayaupayaan komuniti. Soal selidik pra dan post diberikan kepada setiap responden bagi tujuan pencapaian objektif kajian. Responden dikategorikan mengikut kategori 6 pemimpin komuniti. Hasil kajian mendapati pemimpin komuniti daripada kategori penguatkuasa, professional, JKK Kampung/ Wakil komuniti dan belia mencapai tahap kesiediaan komuniti yang paling tinggi iaitu pada tahap 8 (pengembangan/pengesanan). Program Ikon Antidadah perlu diteliti semula dan dibuat penambahbaikan bermula dengan pemilihan ikon di daerah, kesudian dan komitmennya. Program CE juga perlu diberi lebih penekanan kerana program ini adalah antara program terpenting untuk mencapai objektif PDH yang ke 4, iaitu membangkitkan komuniti untuk memerangi dadah. Keberkesanan Latihan TOT telah diberikan kepada seorang atau dua staf di setiap daerah untuk memahami dan melaksanakan modul CE perlu diperhalusi. Kesimpulannya, kejayaan PDH banyak bergantung kepada operasi dan gerak kerja di pejabat AADK Daerah. Persediaan yang mencukupi dari segi 'manpower', bajet, kelengkapan dan komitmen staf mempengaruhi kadar kejayaan program PDH.*

**Kata kunci:** Penilaian program; perangai dadah; pendayaupayaan komuniti, AADK

## **PENGENALAN**

Pada bulan Februari 2016, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, mengumumkan tahun 2016 sebagai tahun kempen besar-besaran untuk memerangi jenayah berkaitan dadah. YAB Timbalan Perdana Menteri membuat pengisytiharan tersebut setelah mengambil kira isu dan masalah yang dikenalpasti dalam trend penyalahgunaan dan penagihan dadah masa kini. Peningkatan jumlah penagih yang dikesan pada tahun 2015 dimana meningkat kepada 26,668 orang, dengan komposisi penagih baru yang membimbangkan iaitu sebanyak 76.1%. Sebanyak 73.4% daripada jumlah keseluruhan tersebut adalah disumbang melalui penglibatan generasi muda yang berada dalam kumpulan umur 18 hingga 39 tahun. Hal ini merupakan satu kebimbangan ditambah pula dengan penurunan umur mula (onset age) menyalahguna dadah kepada seawal usia 7 tahun. Secara keseluruhan, jumlah penagih yang dikesan pada tahun meningkat kepada 282,660 orang dengan 178 kawasan di seluruh negara dikenalpasti sebagai kawasan berisiko tinggi berbanding 64 kawasan pada tahun sebelum ini.

Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu juga berkata, peningkatan golongan

muda termasuk murid sekolah dengan paling muda berumur tujuh tahun telah dikesan menjadi penyalahguna dadah pada tahun lalu, memerlukan langkah baharu yang lebih berkesan bagi memerangi gejala itu. Saranan ini diumumkan pada sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan 2016 di Lawas, Sarawak. Mantan Ketua Pengarah pada 15 Mac 2016 menjelaskan bahawa lebih banyak program daripada pihak AADK akan dilaksanakan kepada pelajar sekolah dan masyarakat yang melibatkan kerajaan negeri, pemimpin masyarakat, dan komuniti untuk mengambil peduli dalam usaha membanteras dadah.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sebagai agensi peneraju dalam usaha memerangi ancaman dadah dalam negara telah mengambil langkah awal menyahut seruan perang ini dengan menganjurkan mesyuarat dan bengkel khas bagi merancang dan melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang komprehensif sesuai dengan hasrat kerajaan, melalui strategi Perangi Dadah Habis-habisan (PDH). Perancangan awal program dan aktiviti PDH memberi tumpuan kepada tiga (3) focus point iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, dan penguatkuasaan. AADK mengetuai usaha perancangan ini dengan melibatkan penyertaan, perbincangan dan perkongsian input-input daripada pelbagai agensi-agensi kerajaan lain yang relevan antaranya seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Bahagian Perkhidmatan Farmasi (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan Jabatan Pendidikan, di semua peringkat iaitu kebangsaan, negeri dan daerah.

Perancangan program dan aktiviti dalam pelaksanaan PDH yang tersusun telah dibentuk dan digerakkan bersama iaitu:

- (a) Penubuhan “*war room*” sebagai penyelaras dan pemudahcara semua program dan aktiviti yang dilaksana di bawah inisiatif PDH di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah
- (b) Pelantikan individu-individu berpengaruh dalam komuniti sebagai “*focal person*” untuk memberi impak kepada pelaksanaan program dan aktiviti PDH;
- (c) Penentuan dan penyediaan profiling kawasan tumpuan atau “*focal area*” bagi pelaksanaan program dan aktiviti PDH
- (d) Pelantikan pakar-pakar rujuk yang berpengetahuan dan berkemahiran luas dalam bidang pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan,

dan penguatkuasaan dadah (*subject matter experts*) di peringkat ibupejabat dan negeri.

Kempen strategi PDH ini melibatkan pembersihan di 178 kawasan berisiko tinggi dengan memberi fokus kepada 86 daerah utama seluruh negara yang telah ditentukan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pihak AADK bagi menghapus/mengurangkan permintaan dan penawaran dadah. Kempen ini menggunakan tiga strategi utama iaitu, pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, dan penguatkuasaan melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan, NGOs dan komuniti dalam membantu menggerakkan semua agensi yang terlibat untuk sama-sama menjalankan kesemua strategi yang terdapat dalam program PDH.

Program-program yang dijalankan di semua 178 kawasan tumpuan tersebut adalah:

- (a) **Program *omnipresence***, iaitu program dan aktiviti bagi menunjukkan kehadiran pihak berkuasa atau pasukan bertugas dalam sesuatu kawasan tumpuan bagi meningkatkan rasa selamat dan keyakinan ahli komuniti;
- (b) **Program operasi pengesanan dan penahanan**, iaitu program dan aktiviti mengesan dan menahan penagih-penagih di kawasan *port* yang dikenalpasti dan memproses mereka yang disahkan penagih untuk menjalani rawatan dan pemulihan di institusi atau komuniti;
- (c) **Program operasi bersepadu** (penyertaan dalam operasi “sarang” PDRM), iaitu program dan aktiviti pengesanan dan penahanan pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah secara bersepadu, termasuk memproses mereka yang disahkan penagih untuk menjalani rawatan dan pemulihan di institusi atau komuniti;
- (d) **Program ikon antidadah**, iaitu program dan aktiviti pendidikan pencegahan melalui perantara tokoh atau personaliti berpengaruh sebagai agen promosi dan kempen, duta antidadah dan *role-model* kepada kumpulan sasar yang dikenalpasti.
- (e) **Program media baru, luar dan statik**, iaitu program dan aktiviti pendidikan pencegahan melalui sebaran maklumat, dan pengetahuan bagi meningkatkan kesedaran bahaya dadah dan promosi gaya hidup sihat kepada pelbagai kumpulan sasar; dan

- (f) **Program pemberdayaan komuniti (*community empowerment*)**, iaitu program memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai bahaya dadah, dan menyedarkan ahli komuniti termasuk pemimpin-pemimpin komuniti mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam merancang, menggerak dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan pencegahan seta rawatan dan pemulihan dadah di dalam komuniti.

## KAJIAN LITERATUR

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menetapkan enam program utama yang perlu dilaksanakan oleh AADK Negeri dan AADK Daerah bagi merealisasikan Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) yang telah diisytiharkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri semasa pelancaran Majlis Memperingati Hari Antidadah Kebangsaan pada 28 Februari 2016 di Lawas, Sarawak.

Majlis ini telah membuat peringatan dan amaran supaya langkah-langkah tegas perlu diambil bagi membanteras gejala penyalahgunaan dan penagihan dadah daripada menjadi tahap epidemik, melindungi generasi muda dan memastikan kesejahteraan sosio-ekonomi, rohani dan budaya rakyat Malaysia terpelihara bagi memantapkan ketahanan nasional dan keselamatan negara. Agensi-agensi utama memerangi dadah terutamanya Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah diarahkan untuk merangka, merancang dan melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti khusus dan berfokus bagi mengatasi masalah ini secara lebih holistik dan komprehensif bagi menghapuskan permintaan dan penawaran dadah dalam negara dalam tempoh lima tahun.

Program PDH telah dirancang dan dilaksanakan pada 2016 ke atas 14 kawasan. Ia diperkembangkan kepada 64 kawasan pada tahun 2017 dan seterusnya kepada 178 kawasan pada 2018.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Mills dan Gay (2016) menyatakan reka bentuk kajian sebagai '*Ways of collecting data are often referred to as research designs*'. Manakala Majid Konteng (2000) menerangkan bahawa reka bentuk sesuatu penyelidikan adalah teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang perlu untuk menyelesaikan masalah. Chua Yan Piaw (2006) juga menyatakan dalam dunia penyelidikan, hasil kajian ditentukan oleh kaedah kajian dan reka bentuk kajian, dan reka bentuk kajian pula

ditentukan oleh tujuan kajian. Jelasnya, pakar-pakar penyelidikan melihat reka bentuk kajian sebagai salah satu elemen yang sangat penting bagi sesuatu kajian terutama bagi memastikan matlamat kajian tercapai dengan sempurna.

Kajian yang dijalankan ini berbentuk kajian penilaian di mana ia adalah *“an applied form of research that involved finding out how well a programme, practice, procedure or policy is working”* (Polit & Hungler,1999). Tujuan kajian penilaian adalah untuk menilai atau mentaksir kejayaan sesuatu amalan, program atau polisi dan ia selari dengan objektif utama kajian ini untuk menilai keberkesanan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH).

Walaupun pada dasarnya kajian ini bersifat kuantitatif yang melibatkan nombor dan angka, data kualitatif telah dikumpul melalui temubual separa berstruktur (*semistructured interview*) dan dianalisis untuk memperkukuh dapatan kuantitatif.

**Lokasi Kajian**

Lokasi kajian yang dipilih ialah perkampungan nelayan, tanah rancangan (Felda/ Felcra) dan perumahan rakyat (PPR) yang dikenal pasti berdasarkan empat kriteria iaitu jumlah aduan kegiatan dadah tertinggi, jumlah besar penagih baru dikesan, kadar jenayah yang tinggi dan jumlah orang kena pengawasan (OKP) di setiap negeri. Berdasarkan kriteria tersebut, kesemua 178 kawasan berisiko tinggi dari 86 daerah di seluruh negeri dipilih dalam Kempen PDH 2017-2018 seperti berikut;

BIL	NEGERI	KOD	AADK DAERAH KAWASAN PDH	KOD	KAWASAN
1	PERLIS	1	PERLIS SELATAN	1	KANGAR
				2	ARAU
				3	KUALA PERLIS
				4	SIMPANG EMPAT
2	KEDAH	2	KOTA SETAR	5	KUALA KEDAH
				6	ALOR SETAR
				7	POKOK SENJA
				8	KUPANG
				9	BANDAR BALING
				9	BANDAR BALING

		7	PENDANG	10	KUALA KETIL
		8	KUALA MUDA	11	BANDAR KULIM
		9	KUBANG PASU	12	KUAH
				13	BANDAR SIK
				14	BANDAR PENDANG
				15	SG PETANI
				16	BEDONG
				17	JITRA
3	PULAU PINANG	10	SEBERANG PRAI UTARA	18	KEPALA BATAS
		11	SEBERANG PRAI TENGAH	19	BUTTERWORTH
		12	SEBERANG PRAI SELATAN	20	BUKIT MERTA JAM
		13	BARAT DAYA	21	SEBERANG JAYA
		14	TIMUR LAUT	22	NIBONG TEBAL
				23	BAYAN LEPAS
				24	BALIK PULAU
				25	JELUTONG
				26	JALAN PATANI
				27	AYER ITAM
				28	DATO KERAMAT
4	PERAK	15	MANJUNG	29	SITIAWAN
		16	KINTA	30	PULAU PANGKOR
		17	BATANG PADANG	31	PANTAI REMIS
		18	LARUT MATANG DAN SELAMA	32	BATU GAJAH
		19	KERIAN	33	CHEMOR
		20	HILIR PERAK	34	PASIR PUTIH
		21	PERAK TENGAH	35	TAMBUN
		22	HULU PERAK	36	TG. RAMBUTAN
		23	KAPAR	37	SUNGKAI
		24	KUALA KANGSAR	38	TAPAH
				39	TROLAK

			40	BATU KURAU	
			41	KAMUNTING	
			42	SIMPANG EMPAT	
			43	POKOK ASAM	
			44	SELAMA	
			45	TAIPING	
			46	CHANGKAT JERING	
			47	KUALA KURAU	
			48	BANGAN SERAI	
			49	PARIT BUNTAR	
			50	SEMANGGOL	
			51	TANJUNG PIADANG	
			52	BAGAN DATUK	
			53	KAMPUNG GAJAH	
			54	BOTA	
			55	GERIK	
			56	KAMPAR	
			57	KUALA KANGSAR	
			58	SUNGAI SIPUT	
5	SELANGOR/WP	25	PETALING	59	PETALING JAYA
		26	AMPANG	60	SERDANG
		27	GOMBAK	61	BANDAR AMPANG
		28	SABAK BERNAM	62	HULU KELANG
		29	HULU LANGAT	63	PANDAN INDAH
		30	SABAK BERNAM	64	BANDAR GOMBAK
		31	BRICKFIELD	65	SELAYANG
		32	SENTUL	66	RAWANG
		33	CHERAS	67	BANGAN SUNGAI BESAR
		34	DANG WANGI	68	KAJANG
				69	SEMENYIH

			70	BATU 9, CHERAS
			71	BANGI
			72	PANDAMARAN
			73	BANDAR KLANG
			74	PANTAI DALAM
			75	PETALING JAYA
			76	WANGSA MAJU
			77	SETAPAK
			78	JINJANG
			79	SENTUL
			80	BANDAR CHERAS
			81	SUNGAI BESI
			82	SALAK SELATAN
			83	DANG WANGI
6	NEGERI SEMBILAN	35		JEMPOL
		36		SEREMBAN
		37		REMBAU
		38		TAMPIN
		39		PORT DICKSON
		40		KUALA PILAH
			84	ROMPIN
			85	BATU KIKIR
			86	BAHAU
			87	LADANG GADDES
			88	SENAWANG
			89	PAROI
			90	SEREMBAN
			91	RAHANG
			92	SIKAMAT
			93	REMBAU
			94	GEMAS
			95	GEMENCHEH
			96	PORT DICKSON
			97	LUKUT
			98	TELUK KEMANG
			99	KUALA PILAH

7	MELAKA	41	MELAKA TENGAH	100	TANJUNG KLING
		42	ALOR GAJAH	101	BANDAR MELAKA TENGAH
		43	JASIN	102	KANDANG
				103	TANJUNG MINYAK
				104	MASJID TANAH
				105	ALOR GAJAH
				106	MERLIMAU
8	JOHOR	44	JOHOR BAHRU	107	PASIR GUDANG
		45	SEGAMAT	108	KULAI
		46	PONTIAN	109	TAMPOI
		47	BATU PAHAT	110	SKUDAI
		48	MUAR	111	KEMPAS
		49	KLUANG	112	MAJIDEE
		50	MERSING	113	SENTRAL
		51	KOTA TINGGI	114	JOHOR JAYA
				115	LARKIN
				116	YAMAN PERLING
				117	TAMAN UNIVERSITI
				118	BANDAR SEGAMAT
				119	BANDAR PONTIAN
				120	BANDAR BATU PAHAT
		121	PARIT SULONG		
		122	PARIT RAJA		
		123	YONG PENG		
		124	MUAR		
		125	BANDAR KLUANG		
		126	SIMPANG RENGGAM		
		127	KG. GAJAH		
		128	MERSING		
		129	BANDAR KOTA		

9	PAHANG	52	KUANTAN	130	KUANTAN		
		53	JERANTUT	131	BESERAH		
		54	PEKAN	132	JERANTUT		
		55	ROMPIN	133	PEKAN		
		56	BENTONG	134	BANDAR TUN RAZAK		
		57	TERMELOH	135	KUALA ROMPIN		
		58	RAUB	136	BANDAR BENTONG		
		59	BERA	137	BANDAR TERMELOH		
		60	MARAN	138	PEKAN RAUB		
						139	BANDAR 32
				140	BANDAR JENKA		
				141	BANDAR MARAN		
10	TERENGGANU	61	KUALA TERENGGANU	142	GONG BADAK		
		62	DUNGUN	143	BANDAR KUALA TERENGGANU		
		63	KEMAMAN	144	BATU RAKIT		
		64	HULU TERENGGANU	145	CHABANG TIGA		
		65	BESUT	146	KUALA DUNGUN		
		66	MARAN	147	CHUKAI		
						148	MUKIM KUALA BERANG
						149	KAMPUNG RAJA
						150	JERTEH
						151	BANDAR MARANG
11	KELANTAN	67	PASIR MAS	152	PASIR MAS		
		68	KOTA BHARU	153	RANTAU PANJANG		
		69	PASIR PUTIH	154	BUNUT SUSU		
		70	TANAH MERAH	155	PENGKALAN CHEPA		
		71	KUALA KRAI	156	BANDAR KOTA BHARU		
		72	MACHANG	157	BADANG		
		73	TUMPAT	158	PASIR PUTEH		
		74	BACHOK	159	TANAH MERAH		

		75	GUA MUSANG	160	BANDAR KUALA KRAI
				161	BANDAR MACHANG
				162	BANDAR TUMPAT
				163	BANDAR BACHOK
				164	BANDAR GUA MUSANG
12	SABAH	76	TAWAU	165	BANDAR TAWAU
		77	SANDAKAN	166	BANDAR SANDAKAN
		78	KOTA KINABALU	167	KARAMUNSING
		79	KENINGAU	168	MENGGATAL
		80	BEAUFORT	169	PENAMPANG
				170	BANDAR KENINGAU
				171	BANDAR BEAUFORT
13	SARAWAK	81	KUCHING	172	BANDAR KUCHING
		82	SRI AMAN	173	GITA
		83	SAMARAHAN	174	SRI AMAN
		84	SIBU	175	SAMARAH
		85	MIRI	176	BANDAR SIBU
		86	BINTULU	177	BANDAR MIRI
				178	BANDAR BINTULU

## POPULASI

Kaedah pengumpulan data untuk kajian ini adalah berbentuk teknik pensampelan berstrata atau *stratified sampling technique*. Pensampelan strata ini adalah dengan membahagikan populasi ke dalam kumpulan-kumpulan berbeza supaya sampel mewakili satu dan hanya satu strata sahaja (Creswell, 2014). Neuman (2006) menyatakan bahawa teknik pensampelan berstrata berbeza dengan teknik pensampelan rawak tetapi lebih berkesan daripada teknik pensampelan kebarangkalian atau *probability*. Teknik pensampelan berstrata adalah seperti berikut:

- (a) Pengkaji membahagikan populasi kepada beberapa sub populasi atau strata untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang populasi.

- (b) Setelah membahagikan populasi kepada strata tertentu, teknik pensampelan rawak digunakan untuk setiap strata. Cara ini dapat membantu pengkaji untuk mengawal dan memastikan sampel yang dipilih dalam setiap strata.
- (c) Kaedah ini akan mendapat sampel yang betul-betul mewakili populasi daripada menggunakan teknik pensampelan rawak (*random sampling technique*) yang sukar dikawal oleh pengkaji.

Dalam kajian ini, strata adalah mengikut hot-spot di setiap negeri. Sebanyak lebih kurang 10 orang sampel meliputi 6 segmen komuniti iaitu penguatkuasa, guru atau pegawai kerajaan, golongan professional, JKK Kampung atau wakil komuniti, belia dan pemimpin agama dipilih daripada setiap strata. Maka jumlah sampel yang terlibat adalah sekitar 978 orang. Jadual 3.1 memaparkan sampel kajian mengikut negeri, jantina dan bangsa.

Jadual 3.1: Sampel Kajian Mengikut Kategori Ahli Komuniti

Pekerjaan	Penguatkuasa	12	0	30	30	24	24	6	126
	Guru/Pegawai Kerajaan	6	12	48	78	24	72	0	240
	Professional	6	18	24	54	30	54	6	192
	JKK Kampung/Wakil Komuniti	0	6	42	36	48	18	18	168
	Belia	0	12	24	42	48	24	6	156
	Total	30	54	198	270	198	192	36	978

Selain itu, teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk menentukan responden temu bual separa berstruktur agar data kualitatif dapat diperoleh sebagai pengukuhan kepada dapatan kuantitatif. Menurut Maxwell (1997), persampelan bertujuan yang membabitkan “*particular settings, persons, or events are deliberately selected for the important information they can provide that cannot be gotten as well from other choices*”. Dalam kajian ini, seorang responden dipilih untuk mewakili setiap enam segmen komuniti. Oleh demikian, sebanyak 1068 (6x178) orang responden terpilih sebagai sumber data

Pemberdayaupaya Komuniti kajian ini. Namun begitu, hanya 171 kawasan sahaja dapat dikumpulkan data, maka jumlah responden adalah seperti di Jadual 3.1.

**Instrumen**

Given dan Lisa (2008) menyatakan data kuantitatif adalah data yang melibatkan nombor (*numerical*) seperti statistik, peratusan dan lain-lain lagi. Pengumpulan data kuantitatif pula, merangkumi kaedah pengumpulan data dengan menggunakan alat ujian dengan soalan dan respons yang terkini, mengumpul data yang numerikal dan mengumpul data daripada kelompok individu yang besar. Walter (2008) menjelaskan data kuantitatif adalah satu set data numerikal yang di rekod dan diperolehi daripada tinjauan dunia sosial. Data- data kuantitatif diperolehi daripada pelaporan aktiviti mengikut KPI yang ditetapkan untuk dianalisis supaya objektif tercapai.

Sementara untuk mencapai objektif ke 3 pada awalnya yang mengukur impak program PDH, satu set soalesidik telah dibangunkan oleh sepasukan pakar bidang berdasarkan kerangka berikut untuk memastikan kesahan item soal selidik.

Jadual 3.2: Kerangka Pembinaan Item Impak Program PDH

Enam komponen yang perlu diukur dalam item-item setiap program:

1	<i>Accessible</i>
2	<i>Visible</i>
3	<i>Readyness</i>
4	<i>Awareness</i>
5	<i>Knowledge</i>
6	<i>Skills</i>

<p>Omnipresence</p>	<p>Anda dapat melihat kehadiran pihak berkuasa dalam memerangi ancaman dadah dalam komuniti anda</p> <p>Anda merasa lebih selamat dengan kehadiran pihak berkuasa dalam Komuniti anda</p> <p>Anda mudah membuat aduan mengenai isu dadah kepada pihak berkuasa</p> <p>Anda tahu bagaimana mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak berkuasa</p>	<p>Mukaddimah menjelaskan isu semasa kepada sampel</p>
<p>Ops Sarang / Operasi Bersepadu</p>	<p>Anda sedar ada tindakan oleh pihak berkuasa dalam komuniti anda</p> <p>Anda sedar ada tindakan memerangi ancaman dadah oleh pihak berkuasa ditempat anda</p> <p>Anda bersedia bekerjasama dengan pihak berkuasa</p> <p>Tindakan pihak berkuasa berjaya menghapuskan sarang-sarang penagihan(port) dalam komuniti anda</p>	<p>Accessible &amp; Visible</p>

<p>Media Baru, Luar dan Konvensional</p>	<p>Anda sedar mengenai kempen perangi dadah habis habisan melalui media massa</p> <p>Anda melihat peningkatan kempen perangi dadah di media massa</p> <p>Anda mendapat pengetahuan kempen perangi dadah melalui media massa</p> <p>Media massa membantu anda untuk bertindak memerangi dadah habis- habisan</p>	<p>Awareness Knowledge Skills</p>
<p>Ikon Anti Dadah</p>	<p>Anda tahu penglibatan individu berpengaruh/tokoh dalam komuniti anda dalam kempen perangi dadah habis habisan</p> <p>Penglibatan individu/tokoh berpengaruh berupaya meningkatkan keberkesanan kempen perangi dadah habis habisan</p> <p>Mesej yang disampaikan individu berpengaruh memberi kesan kepada diri anda</p> <p>Anda berpendapat penglibatan pemimpin kerajaan penting dalam kempen</p>	<p>Accessible Visible Readyness Awareness Knowledge Skills</p>

Community Empowerment	<p>Anda sedar peranan dan tanggungjawab anda dalam usaha memerangi dadah</p> <p>Anda mempunyai pengetahuan untuk membantu memerangi dadah habis-habisan</p> <p>Anda berupaya menyampaikan maklumat tentang isu penyalahgunaan dalam komuniti</p> <p>Anda berupaya memberi kesedaran mengenai kesan dan bahaya dadah kepada komuniti anda</p>	Awareness Knowledge
-----------------------	--	---------------------

Kesemua item telah diperkemas setelah mendapat maklumbalas daripada ujian rintis yang dijalankan pada tahun 2016. Ujian Cronbach's Alpha ke atas kesemua 16 item soal selidik menunjukkan bacaan .916, satu tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Selain data kuantitatif, data kualitatif melalui temu bual separa berstruktur telah dilakukan. Analisis data kualitatif adalah untuk memperkukuhkan dapatan impak kuantitatif. Akhir sekali, untuk mencapai objektif ke 6, data yang diperlukan telah diperolehi melalui soalselidik Tahap Kesiediaan Komuniti. Sepasukan pakar bidang telah terlibat dalam pembinaan instrumen ini.

## Keputusan Kajian

### Objektif 1: Profiling Kawasan PDH

Analisis profiling kawasan PDH dibuat berdasarkan laporan yang disediakan oleh semua kawasan PDH mengikut format yang telah ditetapkan. Jadual 4.1 berikut menunjukkan profiling keseluruhan kawasan PDH mengikut input utama.

Berdasarkan Jadual 4.1, program PDH yang dilaksanakan di 178 kawasan seluruh negara sebagai kawasan tumpuan utama membasmi masalah dadah, 53 adalah meliputi keluasan kawasan sebanyak 173, 038.43 kilometer persegi dengan jumlah populasi seramai 15,761,142 orang, atau dalam unit keluarga adalah sebanyak 3,313,795 unit. Dalam kawasan ini juga mempunyai sebanyak 4793 buah

institusi pendidikan (sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi).

Jadual 4.1: Profiling keseluruhan 178 kawasan PDH 2018

Maklumat profiling		Jumlah
Keluasan kawasan		173,038.43km <sup>2</sup>
Populasi penduduk		15,761,142 orang
Keluarga		3,313,795 unit
Institusi pendidikan		4793 buah
Focal area	Felda	153
	Nelayan	222
	PPR/Taman	607
Anggaran penagih		52,599 orang
OKP		30,126 orang
Sarang penagih		NA

Berdasarkan *focal area* yang menjadi sasaran program pula, kawasan- kawasan PDH ini juga mempunyai 153 kawasan penempatan tanah rancangan seperti FELDA dan FELCRA, 222 kawasan perkampungan nelayan, dan 607 buah penempatan projek perumahan rakyat (PPR), projek perumahan awam (PPA), taman-taman perumahan dan kampung-kampung tradisional. Dari segi kumpulan sasar pula, kawasan ini dianggarkan mempunyai seramai 52,599 orang penagih aktif, 30,126 orang bekas penagih yang sedang menjalani program pengawasan (OKP) dan tiada maklumat data sarang penagihan (port) yang aktif.

## Objektif 2: Pencapaian KPI Mengikut 6 Program Utama Bagi Tahun 2017 &amp; 2018

Program	Tetapan KPI	Pencapaian (2017) N=64		Tetapan KPI	Pencapaian (2018) N=178	
		KPI	Peratus (%)		KPI	Peratus (%)
Omnipresence	3072	3078	100.20	8544	7858	91.97
Ops cegah	2304	2217	96.22	4272	4323	101.19
Ops sarang/ bersepadu	768	748	97.40	2136	1681	78.70
Ikon antidadah	768	484	63.02	2136	1596	74.72
Media	8448	9701	114.83	23496	2612	138.80
Community Empowerment	1536	2207	143.68	4272	5278	123.55
Keseluruhan PDH	16,896	18,435	109.11	44,856	53,348	118.93

Berdasarkan jadual di objektif 2, didapati 3 program mencapai sasaran melebihi 100 peratus dalam tempoh pelaksanaan bagi 24 bulan bermula Januari 2017 dan berakhir Disember 2018. Melalui jadual di atas juga, terdapat 3 program mencapai KPI yang telah ditetapkan iaitu program *Community Empowerment*, program Media dan program Omnipresence bagi tahun 2017. Bagi tahun 2018, program Media, Community Empowerment dan Ops Cegah telah mencapai KPI yang ditetapkan.

Secara keseluruhan pencapaian KPI keseluruhan pada tahun 2017 ialah sebanyak 109.11 peratus dengan pelaksanaan aktiviti sebanyak 18,435 kali berbanding tetapan KPI sebanyak 16,896 kali. Pada tahun 2018 pula, pencapaian keseluruhan ialah sebanyak 118.93 peratus, iaitu pelaksanaan sebanyak 53,348 aktiviti berbanding KPI yang ditetapkan sebanyak 44,856 kali.

Program *Community Empowerment* telah mencapai KPI tertinggi iaitu sebanyak 143.68 peratus bagi tahun 2017 manakala program Media mencapai KPI tertinggi bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 138.80 peratus. Manakala program Ikon Antidadah mencatatkan KPI program terendah bagi kedua-dua tahun dengan peratusan KPI sebanyak 63.02 peratus bagi tahun 2017 dan 74.72 peratus bagi tahun 2018.

Objektif 3: Pencapaian Keseluruhan bagi setiap program utama PDH 2017-2018 Mengikut Kawasan & Negeri

**Objektif 3.1: Pencapaian Keseluruhan Program Omnipresence PDH 2017-2018 Mengikut Kawasan & Negeri**

Terdapat penurunan peratusan pencapaian antara tahun 2017 dan tahun 2018. Kawasan yang mendapat peratusan pencapaian kurang daripada 60 peratus menyumbang kepada penurunan ini. Tiga kawasan yang mencapai peratusan terendah adalah, Bahau, Ladang Gaddes dan Rompin. Sebanyak 69 kawasan PDH telah mencapai keputusan KPI 100 peratus dan keatas. 10 kawasan yang mencapai prestasi KPI tertinggi adalah,

- Bandar Temerloh (202.08%),
- Jitra dan Bandar Machang (172.92%),
- Bandar Sibu (137.50%),
- Pekan (135.42%),
- Paroi, Pair Puteh, dan Gita (133.33%),
- serta Bedong dan Kuantan (129.17%).

Selain itu, terdapat juga beberapa kawasan yang tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan dan menunjukkan prestasi yang terendah iaitu:

- Bahau (25.00%),
- Ladang Gaddes (27.08%),
- Rompin (31.25%),
- Kampar (33.33%),
- Batu Kikir (37.50%),
- Majidee dan Trolak (41.67%),
- Taman Perling (43.75%)
- serta Sri Aman, Bandar Marang, Tapah dan Pulau Pangkor (45.83%).

Tiga negeri yang menunjukkan prestasi tertinggi adalah, negeri Pahang (106.25%), diikuti oleh Kelantan (104.81%) dan seterusnya Sabah (98.21%). Manakala tiga negeri yang menunjukkan prestasi terendah adalah, negeri Perlis (83.33%), Perak (83.54%) dan Melaka (86.31%).

### **Objektif 3.2: Pencapaian Keseluruhan Program Ops Cegah PDH 2017-2018 Mengikut Kawasan & Negeri**

Kawasan yang mendapat peratusan pencapaian melebihi 100 peratus menyumbang kepada peningkatan ini. Tiga kawasan yang mencapai peratusan tertinggi adalah, Kupang, Muar dan Jitra. Sebanyak 84 kawasan PDH telah mencapai keputusan KPI 100 peratus dan keatas. 10 kawasan yang mencapai prestasi KPI tertinggi adalah,

- Kupang (312.50%),
- Muar (295.83%),
- Jitra (291.67%),
- Bandar Miri (287.50%),
- Bandar Sandakan dan Bandar Sibul (270.83%),
- Bandar Tawau (245.83%),
- Pantai Remis (233.33%),
- Chukai (220.83%) dan
- Bandar Kluang (216.67%).

94 kawasan yang tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan dan menunjukkan prestasi yang terendah antaranya,

- Dato Keramat (8.33%),
- Selama dan Pokok Sena (12.50%),
- Pokok Asam (16.67%),
- Rahang dan Ayer Hitam (20.83%) serta

- Sri Aman, Ladang Gaddes, Rompin, Sungai Siput, dan Jalan Patani (25.00%).

Tiga negeri yang menunjukkan prestasi tertinggi adalah, negeri Sabah (194.05%), diikuti oleh Kedah (140.71%) dan seterusnya Kelantan (126.92%). Manakala tiga negeri yang menunjukkan prestasi terendah adalah, negeri Pulau Pinang (59.10%), Negeri Sembilan (62.24%) dan Selangor (88.61%).

### **Objektif 3.3: Pencapaian Keseluruhan Ops Sarang/Bersepadu PDH 2017-2018 Mengikut Kawasan & Negeri**

Terdapat penurunan peratusan pencapaian antara tahun 2017 dan tahun 2018. Kawasan yang mendapat peratusan pencapaian kurang daripada 60 peratus menyumbang kepada penurunan ini. Tiga kawasan yang mencapai peratusan terendah adalah, Beserah, Batu Kikir dan Rompin. Sebanyak 97 kawasan PDH telah mencapai keputusan KPI 100 peratus dan keatas. 10 kawasan yang mencapai prestasi KPI tertinggi adalah,

- Bandar Pendang (316.67%),
- Jitra (308.33%),
- Kuantan (291.67%),
- Mersing (275.00%),
- Butterworth (241.67%),
- Bandar Pontian (200.00%),
- Bandar Gombak dan Bandar Tawau (183.33%)
- serta Bandar Kulim, Petaling Jaya dan Pasir Gudang (166.67%).

Sebanyak 81 kawasan didapati tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan dan menunjukkan prestasi yang terendah antaranya:

- Beserah, Batu Kikir dan Rompin (0.00%),
- Kuala Rompin, Taman Universiti, Gemencheh, Gemas dan Pokok Asam (8.33%)

- serta Pekan, Kg. Gajah, Ladang Gaddes, Kuala Kangsar, Bagan Datuk, Selama, Tambun, Pasir Puteh dan Pulau Pangkor (16.67%).

Tiga negeri yang menunjukkan prestasi tertinggi adalah, negeri Kedah (130.77%), diikuti oleh Pulau Pinang (121.97%) dan seterusnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (110.00%). Manakala tiga negeri yang menunjukkan prestasi terendah adalah, negeri Sembilan (35.41%), Perak (50.28%) dan Melaka (58.33%).

#### **Objektif 3.4: Pencapaian Keseluruhan Program Ikon Antidadah PDH 2017-2018 Mengikut Kawasan & Negeri**

Terdapat peningkatan peratusan pencapaian antara tahun 2017 dan tahun 2018 bagi program ikon antidadah. Kawasan yang mendapat peratusan pencapaian melebihi 100 peratus menyumbang kepada peningkatan ini. Tiga kawasan yang mencapai peratusan tertinggi adalah, Gong Badak, Pekan Raub dan Bandar Kuala Terengganu. Sebanyak 97 kawasan PDH telah mencapai keputusan KPI 100 peratus dan keatas. 10 kawasan yang mencapai prestasi KPI tertinggi adalah,

- Gong Badak (366.67%),
- Pekan Raub (325.00%),
- Bandar Kuala Terengganu (308.33%),
- Karamunsing (216.67%),
- Bandar Kulim (208.33%),
- Kuala Kedah Kempas dan Jerteh (191.67%) serta
- Butterworth dan Bandar Bachok (175.00%).

Terdapat 81 kawasan yang tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan dan menunjukkan prestasi yang terendah. 10 kawasan mencatatkan peratusan terendah iaitu 0.00 peratus yang membawa maksud tidak pernah melaksanakan program ikon anti dadah di kawasan mereka iaitu, Bayan lepas, Pantai Remis, Tapah, Batu Kurau, Kamunting, Simpang, Selama, Changkat Jering, Parit Sulong dan Bunut Susu.

Tiga negeri yang menunjukkan prestasi tertinggi adalah, negeri Terengganu (147.50%), diikuti oleh Sabah (113.10%) dan seterusnya Pahang (108.33%). Manakala tiga negeri yang menunjukkan prestasi terendah adalah, negeri Sembilan (43.23%), Perlis (45.83%) dan Perak (46.94%).

### **Objektif 3.5: Pencapaian Keseluruhan Program Media Baru, Luar & Statik PDH 2017-2018 Mengikut Kawasan & Negeri**

Terdapat peningkatan peratusan pencapaian antara tahun 2017 dan tahun 2018 dan kawasan yang mendapat peratusan pencapaian melebihi 100 peratus menyumbang kepada peningkatan ini. Tiga kawasan yang mencapai peratusan tertinggi adalah, Gong Badak, Batu Rakit dan Chabang Tiga. Sebanyak 99 kawasan PDH telah mencapai keputusan KPI 100 peratus dan keatas. Antaranya adalah,

- Gong Badak (955.30%),
- Batu Rakit (913.64%),
- Chabang Tiga (907.58%),
- Bandar Kuala Terengganu (774.24%),
- Bandar Tumpat (652.27%),
- Kangar (381.06%),
- Dang Wangi (301.52%),
- Bandar Machang (280.30%),
- Bayan Lepas (267.42%) dan
- Butterworth (256.82%).

Kawasan yang tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan dan menunjukkan prestasi yang terendah ialah,

- Rompin (10.61%),
- Bahau (12.88%),
- Bandar Sibu dan Ladang Gaddes (18.94%),

- Batu Kikir (22.73%),
- Sri Aman (26.52%),
- Tambun (32.58%),
- Johor Jaya (37.88%),
- Pandamaran (41.67%) dan
- Tg. Rambutan (51.52%).

Tiga negeri yang menunjukkan prestasi tertinggi adalah, negeri Terengganu (422.58%), diikuti oleh Perlis (255.50%) dan seterusnya Pulau Pinang (167.08%). Manakala tiga negeri yang menunjukkan prestasi terendah adalah, negeri Melaka (70.78%), Sarawak (71.32%) dan Negeri Sembilan (89.39%).

**Objektif 3.6: Pencapaian Keseluruhan Program Pemberdayaupaya Komuniti ((CE) PDH 2017-2018 Mengikut Kawasan Dan Negeri**

Terdapat peningkatan peratusan pencapaian antara tahun 2017 dan tahun 2018. Kawasan yang mendapat peratusan pencapaian melebihi 100 peratus menyumbang kepada peningkatan ini. Tiga kawasan yang mencapai peratusan tertinggi adalah, Bandar Miri, Kuantan dan Jitra. 110 kawasan PDH telah mencapai keputusan KPI 100 peratus dan keatas. 10 kawasan yang mencapai prestasi KPI tertinggi adalah,

- Bandar Miri (712.50%),
- Kuantan (495.83%),
- Jitra (354.17%),
- Chukai (350.00%),
- Kangar (337.50%),
- Kuah dan Gong Badak (329.17%),
- Bagan Datuk (295.83%),
- Butterworth (283.33%)
- Paroi (266.67%).

68 kawasan yang tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan dan menunjukkan prestasi yang terendah. Antaranya adalah,

- Majidee (4.17%),
- Taman Perling (8.33%),
- Batu Kikir (20.83%),
- Larkin dan Sentral (25.00%),
- Johor Jaya (29.17%) serta
- Kawasan Rahang, Bahau, Rompin, Changkat Jering, Selama, Pokok Asam, Simpang dan Kamunting yang masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 33.33 peratus.

Tiga negeri yang menunjukkan prestasi tertinggi adalah, negeri Sarawak (202.38%), diikuti oleh Perlis (194.79%) dan seterusnya Kedah (167.08%). Manakala tiga negeri yang menunjukkan prestasi terendah adalah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (75.00%), Negeri Sembilan (86.72%) dan Negeri Johor (87.86%).

### **Pencapaian Keseluruhan Program PDH 2017-2018 Mengikut Kawasan Dan Negeri**

Terdapar 89 kawasan (50 %) mencapai sasaran KPI yang ditetapkan, manakala 89 lagi kawasan (50 %) gagal mencapai sasaran KPI. Kawasan PDH Gong Badak merupakan kawasan terbaik dari segi pencapaian KPI iaitu melaksanakan sebanyak 1466 aktiviti, atau pencapaian sebanyak 581.75% berbanding sasaran KPI. Bagi kawasan yang gagal mencapai sasaran KPI pula, kawasan Rompin adalah kawasan yang paling sedikit mencapai sasaran KPI iaitu sebanyak 46 aktiviti atau pencapaian sebanyak 18.25 % berbanding sasaran KPI.

Tiga negeri yang mencatatkan peratus keseluruhan tertinggi bagi programprogram PDH 2018 adalah negeri Terengganu dengan peratusan keseluruhan sebanyak 275.44 peratus diikuti oleh Perlis sebanyak 182.04 peratus dan seterusnya Kelantan iaitu sebanyak 134.19 peratus. Manakala, tiga negeri yang mencatatkan peratus keseluruhan terendah adalah Negeri Sembilan iaitu dengan hanya sebanyak 76.26 peratus, kemudian negeri Perak sebanyak 89.38 peratus dan seterusnya yang ketiga terendah adalah negeri Melaka iaitu peratusan keseluruhan program

sebanyak 91.89 peratus.

#### **Objektif 4: Impak PDH Mengikut Jumlah Penagih Baru Yang Dikesan Di 178 Kawasan Tumpuan**

Daerah Johor Bahru mencatatkan jumlah penagih baru dikesan paling tinggi iaitu seramai 1970 orang, diikuti oleh kawasan Kota Bharu iaitu seramai 1606 orang dan kawasan Petaling iaitu seramai 1332 orang. Manakala bagi penagih berulang pula, kawasan Timur Laut P. Pinang mencatatkan pengesanan dan penahanan penagih berulang paling tinggi iaitu seramai 1863 orang, diikuti oleh kawasan Barat Daya iaitu seramai 1118 orang dan kawasan Kota Bharu iaitu seramai 505 orang.

Negeri yang mencatatkan pengesanan dan penahanan penagih paling tinggi ialah Kelantan yang mempunyai jumlah 8765 penahanan, diikuti P. Pinang sebanyak 7162 penahanan dan Kedah dengan 6821 penahanan.

#### **Objektif 5: Impak PDH 2017-2018 Mengikut Skor Dan Tahap Pendayaupayaan Komuniti**

Kawasan Badang menunjukkan peningkatan tahap yang paling tinggi iaitu daripada tahap 2 (penafian/penentangan) pada ujian pra kepada tahap 8 (pengembangan) pada ujian pos, diikuti oleh kawasan Bandar Marang, iaitu daripada tahap 3 (kesedaran kabur) pada ujian pra kepada mata 8 (pengembangan) pada ujian pos. Keputusan juga menunjukkan kawasan Bahau, Petaling Jaya, Batu Gajah, Dato Keramat, Sitiawan dan Pulau Pangkor merekodkan tahap kesediaan komuniti untuk berubah yang paling tinggi iaitu mencapai tahap 9 pada ujian pos, iaitu tahap pemilikhakkan komuniti, mata maksimum bagi tahap kesediaan komuniti untuk berubah.

#### **Objektif 6: Kesediaan Komuniti Terhadap Program Perangi Dadah Habis-Habisan Mengikut Kategori Pemimpin Komuniti**

Bagi menilai tahap kesediaan komuniti dalam menjalankan program PDH 2017/2018, perbandingan keputusan ujian pre-test dan post-test telah dilaksanakan di 178 kawasan melibatkan 6 kategori ahli komuniti.

KATEGORI	TAHAP CE
Penguatkuasa	5.00-8.00
Guru/Peg. Kerajaan	5.00-7.00
Professional	6.00-8.00
JKK Kampung/Wakil Komuniti	5.00-8.00
Belia	6.00-8.00
Pemimpin Agama	5.00-7.00

**PERBINCANGAN**

Kejayaan PDH banyak bergantung kepada operasi dan gerak kerja di pejabat AADK Daerah. Persediaan yang mencukupi dari segi ‘manpower’, bajet, kelengkapan, dan komitmen staf mempengaruhi kadar kejayaan program PDH. Pertambahan jumlah Kawasan PDH perlu seiring dengan pertambahan jumlah kakitangan yang akan menguruskan pelaksanaan program disatu-satu kawasan. Kekuatan staf dari segi gred, bilangan dan latihan perlu sejajar dengan KBT yang ada dalam sesuatu daerah. Begitu juga dari segi bajet, kelengkapan dan sokongan lain. Selain itu, kebajikan dan keselamatan staf ketika menjalankan operasi di lapangan perlu diberi perhatian

Kebanyakan pejabat daerah diketuai oleh KD gred S32, dibantu oleh 3 atau 4 orang staf gred 29, 3 atau 4 orang staf gred 22 dan sekitar 10 orang gred 12. Selain itu, hanya terdapat seorang pembantu tadbir, seorang atau dua polis bantuan dan seorang pemandu. Adalah dicadangkan KD disandang oleh pegawai gred 41 yang mempunyai lebih kuasa dan autoriti untuk menguruskan staf bawahannya. Ia juga memudahkan urusannya yang membabitkan pegawai agensi lain.

Pengurusan dan pentadbiran pejabat di daerah juga perlu ditambahbaik terutama sekali dari segi penyimpanan rekod dan system fail. Kelemahan penyimpanan rekod dan system fail menyukarkan pemerolehan data dan verifikasi data. Data yang diterima daripada pejabat daerah perlu dipantau dan diberi perhatian sewajarnya.

Berkenaan dengan program-program utama PDH, disarankan agar program Ikon Antidadah untuk diteliti semula. Antara punca kelemahannya adalah pengenalpastian ikon di daerah, kesudian dan komitmennya. Adalah dicadangkan

program ikon diintegrasikan dengan program media supaya pelaksanaannya lebih interaktif dan mampu menarik minat masyarakat dalam membantu perangai dadah ini.

Manakaa, program CE adalah antara program terpenting untuk mencapai objektif PDH yang ke 4, iaitu membangkitkan komuniti untuk memerangi dadah. Latihan TOT yang telah diberikan kepada seorang atau dua staf di setiap daerah untuk memahami dan melaksanakan modul CE membantu dalam menyumbang kejayaan program ini. Sungguhpun begitu, keberkesanan latihan TOT program CE ini masih perlu diperhalusi. Kandungan modul yang lengkap dan menyeluruh adalah sangat dipuji. Terdapat beberapa isu yang timbul daripada aspek pelaksanaannya:

- Staf yang cukup terlatih dan komited
- Kesukaran mendapatkan peserta dari komuniti untuk melapangkan masa bagi mengikuti modul dari satu tahap ke tahap seterusnya.
- Tiada bajet yang disediakan.
- Sukar untuk melaksanakannya lebih daripada 2 kawasan kerana program ini memakan masa yang lama.

Isu-isu ini perlu diatasi agar program CE benar-benar dapat memperkasakan komuniti untuk bangkit memerangi dadah habis-habisan. Mungkin wajar untuk AADK mewujudkan bahagian Jaminan Kualiti yang akan melakukan audit berkala dengan tujuan penambahbaikan sistem pengurusan, pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan. Pihak IT wajar membangunkan satu sistem untuk memudahkan penghantaran, pengumpulan dan penganalisan data yang banyak dan berkala.

## RUJUKAN

Agensi Antidadah Kebangsaan (2017). Pendidikan Pencegahan Dadah: *Panduan Ibulbapa, Guru, Majikan, Komuniti dan Media* (Edisi 2). Selangor: Alamedia Sdn. Bhd.

Anderson-Carpenter, K. D., Watson-Thompson, J., Jones, M. D., & Chaney, L. (2017). Improving Community Readiness for Change through Coalition Capacity Building: Evidence from a Multi-Site Intervention. *Journal of community*

*psychology*, 45(4), 486–499.

Asnarulkhadi Abu Samah & Fariborz Aref (2009). *Empowerment as an Approach for Community Development in Malaysia*. *World Rural Observations*, 1(2):63–68.

Chua Yan Piaw (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc-Graw Hill.

Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th ed.). Harlow: Pearson.

De Vos P., De Ceukelaire W., Malaise G., Pérez D., Lefèvre P., Van der Stuyft P. (2009) Health through people's empowerment: A rights-based approach to participation. *Health Hum. Rights*. 11:23–35.

Donnermeyer, J. F., Plested, B. A., Edwards, R. W., Oetting, G., and Littlethunder, L. (1997). Community readiness and prevention programs. *J. Commun. Dev. Soc.* 28, 65–83.

Given, I. & Lisa, M. (2008). *The Encyclopedia of Qualitative Research Methods*.

Israel B.A., Checkoway B., Schulz A., Zimmerman M. (1994). Health education and community empowerment: Conceptualizing and measuring perceptions of individual, organizational and community control. *Health Educ. Q.* 21:149–170.

Kasmel A., Andersen P.T. (2011). Measurement of community empowerment in three community programs in Rapla (Estonia) *Int. J. Environ. Res. Public Health*. 8:799–817.

Laverack G. (2005) Using a 'domains' approach to build community empowerment. *Community Dev. J.* 41:4–12.

Majid Konteng (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maxwell, J. A. (1998). *Designing a qualitative study*. In L. Bickman & D. J. Rog (Eds.), *Handbook of applied social research methods* (p. 69–100). Sage Publications, Inc.

Md. Abdur Raquib, R. N. Anantharaman, Uchenna Cyril Eze, Md. Wahid Murad. (2010). *Empowerment Practices and Performance in Malaysia, An Empirical Study*. 5 (1): 123-128.

Melo, P.; Alves, O. (2019). Community Empowerment and Community Partnerships in Nursing Decision-Making. *Healthcare*.7: 76.

Mills, G. E., & Gay, L. R. (2016). *Educational research: Competencies for analysis and applications* (11th ed.). Boston: Pearson.

Neuman.W,L. (2014) *Social Research Method: Quantitative and Qualitative Approach*, Pearson Education Limited Singleton, R. A., & Straits, B. C. (2005). *Approaches to social research* (4thed.). New York: Oxford University Press.

Polit, D. and Hungler, B. (1999). *Nursing Research: Principle and Method*, 6th ed.; Philadelphia: Lippincott Company. P.P. 416-417.

R. A. Singleton Jr. and B. C. Straits (2005). "Approaches to Social Research," 4th Edition, Oxford University Press. New York.

Rappaport J. (1981). In praise of paradox: A social policy of empowerment over prevention. *Am. J. Community Psychol.* 9:1-24.

Walter, M. (2008). *Indigenous Statistics: A Quantitative Research Methodology*. Left Coast Press.